

## Pekerja Teras Transformasi Negara

### Upcoming Courses:

- ◆ Kelantan 26-28hb Sept 2012; Terengganu 2-3hb Okt 2012; Wilayah 9-10hb Okt 2012; Pahang 3-4hb Okt 2012; Pulau Pinang 16-18hb Okt 2012; Kedah 17-18hb Okt 2012; Perak 30-31hb Okt 2012;
- ◆ ILO-Organizing & Decent Work for Domestic Workers" (Knowledge-sharing cum training workshop) 16-19 Okt 2012, KL

### Budaya Pencegahan Kemalangan di tempat kerja

PERKESO telah melaksanakan usaha berterusan dalam mewujudkan budaya pencegahan kemalangan di tempat kerja dan dalam perjalanan ke tempat kerja bagi memastikan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan dipertingkatkan untuk menjaga kepentingan dan kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Seksyen 40 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Usaha berterusan di antara PERKESO dan NGO ini merangkumi pengajuran seminar-seminar OSH, safety audit, penerbitan hanbook, poster OSH, billboard serta pembangunan video keselamatan dan kesihatan pekerjaan dengan satu matlamat iaitu supaya pencarum PERKESO akan berada pada tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja yang baik dan selamat dalam perjalanan ke tempat kerja serta mampu menyumbang kepada kesejahteraan keluarga, majikan dan negara.

Kempen ini adalah bertetapan dan selaras dengan misi PERKESO dalam memberi kesedaran keselamatan dan kesihatan kepada majikan dan orang berinsurans yang juga merupakan matlamat Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) yang menekankan pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan melalui kekuatan tripartite dan *sosial dialog*.

#### Objektif utama kempen :

- ⇒ Memberi penekanan kepada keperluan tindakan pencegahan sebagai asas kepada perlindungan keselamatan sosial pekerja; dan
- ⇒ Memberi tumpuan khusus kepada tindakan pencegahan kemalangan commuting sebagai keutamaan di dalam program pencegahan oleh PERKESO dan NGO yang terlibat; dan
- ⇒ Meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan majikan, pekerja dan orang awam berkaitan isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dan dalam perjalanan ke atau dari tempat kerja.

Oleh yang demikian MTUC menekankan agar semua kesatuan juga memberi keutamaan terhadap perkara ini dan melakukan serta melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan ini bagi memberi kesedaran kepada ahli mengenai kepentingan mencegah sebarang bentuk kemalangan di tempat kerja atau semasa ulang-alik kerja.

*Abdul Halim Mansor, Setiausaha Agung*

# PERKESO: Occupational Accidents

## PERKESO bayar pampasan RM320j

**Kuala Lumpur:** Kes kemalangan dalam perjalanan ke tempat kerja yang dilaporkan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) meningkat 5.6 peratus daripada 12,209 dalam tempoh enam bulan pertama tahun lalu kepada 12,893 tempoh sama 2012.

### Kadar membimbangkan

Berdasarkan statistik, kemalangan ke tempat kerja mencapai sehingga 42 peratus daripada keseluruhan kemalangan yang dilaporkan dalam tempoh itu dan ia suatu yang membimbangkan.

Menteri Sumber Manusia, S Subramaniam, berkata untuk tahun lalu saja, PERKESO membayar pampasan kepada pencarum yang terbabit dalam kemalangan dalam per-

jalan ke tempat kerja sebanyak RM400 juta.

"Sehingga Jun tahun ini sa-ja, pembayaran pampasan b e r j u m l a h R M 3 2 0 j u t a membuktikan peningkatan dalam kes kemalangan berkenaan.

"Peningkatan ini bermaksud keperluan untuk mengubah budaya pekerja khususnya dalam merancang masa dengan baik bagi perjalanan mereka," katanya selepas merasmikan Program Keselamatan Bermotosikal Kebangsaan kepada Pencarum PERKESO



### FAKTA NOMBOR

5,000  
unit

topi keledar diedarkan di seluruh negara

S Subramaniam memakaikan topi keledar kepada Ketua Jurutera PLUS, Suhaimi Samat pada pelancaran **Program Keselamatan Bermotosikal Kebangsaan** di Johor Bahru, semalam.


[FOTO NURUL SHAFINA JEMENON/BH]

2012, di Persada Plus, di sini, semalam.

Kempen berke-  
naan adalah kesi-  
nambungan kepada  
Kempen Perja-  
lanan Selamat ke Tempat  
Kerja Kebangsaan 2012 da-  
lam usaha memupuk kese-

daran keselamatan dalam kalangan pekerja dan majikan.

Sempena program berkenaan, sebanyak 5,000 topi keledar bersama jaket keselamatan di-edarkan kepada pencarum PERKESO di seluruh negara termasuk Pulau Pinang, Johor, Sabah dan Sarawak.






# KEMALANGAN PEKERJAAN

Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan- jadual dibawah menunjukkan kadar kemalangan pekerjaan di beberapa sektor pada tahun 2011 yang dilaporkan. Walaupun angka ini agak kecil namun kita sedia maklum bahawa banyak kes yang tidak dilaporkan.

Sektor pembuatan dan perladangan mencatatkan kadar kemalangan kerja yang agak tinggi. Manakala negeri Perak, Negeri Sembilan, Melaka dan Sarawak juga menunjukkan kadar kemalangan berlaku ketika kerja- pekerjaan yang agak tinggi terutamanya yang mengakibatkan ketidakupayan tidak kekal(NPD).

**Jadual A :Total settled commuting accident cases in Malaysia, 2010**



Jadual A pula menunjukkan bahawa kes-kes yang diselesaikan pada tahun 2010. Sektor pembuatan menunjukkan bahawa kes yang melibatkan TDB Total disability beneficiary adalah sebanyak 5412 kes, berbanding dengan 4016 kes dalam sektor awam.

Manakala PDB Permanent disability beneficiary pula adalah sebanyak 1439 kes dalam sektor pembuatan dan 1062 dalam sektor awam.

DB-Kematian pula melibatkan 101 kes dalam sektor pembuatan dan 102 dalam sektor awam yang diselesaikan.

Statistic of Occupational Accidents by Sector in 2011	Death	PD	NPD
Public services and statutory bodies	7	1	59
Financial, Insurance real Estate and business services	6	0	31
Hotel and Restaurant	2	1	7
Wholesale and retail trade	1	3	13
Transport, storage and communication	11	6	39
Utility	5	3	45
Agricultural, forestry, logging and fishing	41	12	365
Construction	51	5	43
Mining and Quarrying	7	0	16
Manufacturing	45	133	1471

PD: Permanent Disability    NPD: Non Permanent Disability



# MTUC wants compulsory health checks for private-sector employees

**COMPULSORY CHECK-UPS:** Ministry, Socso urged to follow move by Korea and Japan in screening workers from age 35 onwards.

The Malaysian Trades Union Congress (MTUC) said it had recommended compulsory health checks for private-sector employees in 2010.

Its secretary-general, Abdul Halim Mansor, said the congress made the request to the Human Resources Ministry, the Social Security Organisation (Socso) and industry players.

He said the health checks should be conducted from the age of 35 onwards.

Abdul Halim added that it was compulsory for companies in Korea and Japan to send their workers for a full medical check-up when they reached 35. Workers showing signs of bad health were placed under a district health office for further monitoring.

He said apart from the question of who would foot the medical bill, bosses were not keen to allow their workers to do so because of time management issues.

Meanwhile, Malaysian Employers Federation (MEF) executive director Shamsuddin Bardan said the number of companies sending their employees for health check-ups remained small.

He said a full medical check-up could cost RM150 and above, which was considered expensive for small businesses if they had to make the payments.

"Perhaps Socso might be able to assist."

Shamsuddin agreed to the move for periodic health screenings, but suggested that it be carried out on a

yearly basis.

He added that such a move could be good as certain diseases, if detected early, could be controlled or cured.

Deputy Human Resources Minister Datuk Maznah Mazlan said that private-sector workers may be required to undergo periodic health screenings upon reaching 40 to detect health problems and diseases.

She said the matter was being studied by Socso as compensation payouts were increasing each year.

Last year, Socso paid RM1.8 billion compared with RM1.6 billion in 2010 and RM1.3 billion in 2009 in compensation to its members.

As of June, RM43.5 million was paid for dialysis treatment, compared with RM92.5 million last year and RM77.2 million in 2010.


*Source: The New Straits Time: 13/08/2012*



Kesihatan setiap pekerja amat penting bagi memberi nilai tambahan kepada produktiviti dan prestasi syarikat serta majikan.



# RUM membantah MMC mengambil alih KTMB



dilakukan MMC.

Sehubungan itu, Abdul Razak berkata KPPKTMB merancang mengadakan perhimpunan bagi membantah cadangan tersebut pada 12 Oktober ini di pekarangan ibu pejabat KTMB di sini.

## Mengikut RUM bantahan adalah disebabkan:

- ⇒ Pengalaman dgn Konsortium Marak Unggul
  - ⇒ Pengalaman pekerja KTMB ketika mengambil alih KTMB.
  - ⇒ Pekerja diletakkan dibawah surplus.
  - ⇒ Percubaan menarik syarat-syarat perkhidmatan pekerja keretapi.
  - ⇒ Percubaan menetapkan kadar tetap seseorang pekerja untuk menikmati faedah kesihatan.
  - ⇒ Pekerja bekerja dibawah tekanan yang tinggi.
  - ⇒ Keretapi adalah sebuah perkhidmatan sosial yang memberi perkhidmatan tambang murah kepada rakyat, malah kos perkhidmatan kargo KTMB hanya 35 % dari tambang sebenar dengan pengangkutan lori yang lain.
- Malah kadar ini dikawal oleh kerajaan.

Kerajaan sepatutnya menolak kehadiran MMC seterusnya mengambil alih KTMB dan diletakkan dibawah sektor kerajaan atau setidaknyakekalkan seperti sekarang.

Kerajaan perlu utamakan kepentingan rakyat daripada syarikat swasta. Tindakan menyerahkan kepada syarikat swasta akan juga memberi impak kepada rakyat dengan kenaikan kos tambang.

*dilaporkan oleh:*

*Abdul Razak Md Hassan, Presiden Railway Union of Malaya (RUM)*

Kesatuan Pekerja-pekerja Keretapi Tanah Melayu Berhad (KPPKTMB) menggesa kerajaan menolak cadangan MMC Corporation Berhad untuk mengambil alih Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

Presidennya Abdul Razak Md Hassan berkata kerajaan harus membenarkan Presiden KTMB Datuk Elias Kadir yang baharu dilantik menjalankan tugasnya terlebih dahulu sebelum membuka peluang pengambilalihan kepada MMC. "Menurut beliau MMC telah menyerahkan cadangan pengambilalihan KTMB kepada kerajaan dan bimbang jika KTMB diambil alih MMC, kebijakan pekerja syarikat kereta api negara akan terjejas. "Sebanyak 60 peratus kos dilabur untuk kebijakan pekerja KTMB, kalau mahu menukar KTMB menjadi satu entiti yang menguntungkan, syarikat korporat ini terpaksa memotong kos dan separuh daripada pekerja KTMB mungkin terpaksa dibuang," katanya.

Beliau juga menegaskan KTMB menawarkan perkhidmatan berdasarkan tanggungjawab sosial, bukan satu entiti bertujuan keuntungan seperti yang mahu





# Kursus MTUC



OSH training in Selangor from the 10-11, Sept followed Collective Bargaining Training from 3rd-7th Sept 2012 at with a IR Training and Dialogue with the leadership of MTUC with 4 women and 27 male, among which 19 were MTUC and the Selangor Division EXCO. from outside Klang valley. External experts, Mr. The leadership represented by Bro. Khalid, Bro. A. Bal- Sugumar, MPC, Sa'adiah, Director Dept. of Statistics, En. asubramaniam, Bro. Robert Vijendran and Bro. Awang Ahmad Kamal, Asst. Dir, JPP, Mr. Chandra Dass, M.D. Ibrahim. 25 participants from various sectors participated.



Suresh, Advocate Solicitor, Sarita Beram Shah, HR Manager, including our Leaders, Sec.Gen. Bro. Abdul Halim Mansor, President, Bro. Mohd Khalid Atan, Bro. Jafar Majid, and Bro. Awang Ibrahim.

Reported by Soma, MTUC

**BH** 29 OGOS 2012 • RABU

NASIONAL • 13

## Wanita diganggu bos dapat RM25,000

» Bekas pembantu peribadi dakwa ketua sentuh pipi, pegang tangan

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahrzki@bharian.com.my

Shah Alam

**S**elorang bekas pegawai kanan sebuah syarikat multinasional, diarah Mahkamah Tinggi di sini, membayar RM25,000 kepada bekas pembantu peribadi yang mendakwa lelaki itu melakukannya dengan seksual ter-

hadapnya.

Hakim Sabariah Othman ketika membenarkan tuntutan Mas Anum Samiran, 37, memerintahkan Othman Mohamed, 54, membayar ganti rugi teladan dan putifit kepada wanita terbabit dengan faedah lima peratus setahun dari tarikh penghakiman hingga tarikh penyelesaian.

### Ada gangguan seksual

Mahkamah memutuskan demikian selepas mendapat plaintif berjaya membuktikan terdapat gangguan seksual dilakukan defendant yang ketika itu memegang jawatan Pengarah Negara bagi syarikat berkenaan.

Pada Mei 2011, plaintif melalui firma guaman Tetuan Azariah &

Associates memfailkan tuntutan terhadap defendant dengan menyatakan gangguan seksual dihadapinya berlaku ketika mereka bertugas di premis perniagaan syarikat terbabit di Cyberjaya, antara April hingga Disember 2008.

Dalam tuntutannya, plaintif antara lain mendakwa defendant mengganggunya melalui panggilan telefon dalam tempoh April hingga Jun 2008, sedangkan selaku terbabit tahu pada ketika itu, suami plaintif berada di China kerana terbabit dalam satu projek kerajaan.

Mas Anum juga mendakwa, defendant ada menyentuh pipi dan tangannya ketika mereka dalam perjalanan ke sebuah kedai belon di Subang Jaya pada 13

November 2008.

### Jadi pengajar

Ketika ditemui di luar mahkamah, Mas Anum yang diterani peguamnya, S Silas, memberitahu pengalamannya paling menakutkannya yang sehingga kini masih trauma untuk bekerja, tetapi bersyukur dengan keputusan mahkamah.

Ibu tiga anak itu yang kini mengikut suaminya berpegang di Perth, Australia, berharap keputusan itu juga memberi kesedaran kepada masyarakat terutama wanita untuk tampil ke depan jika melalui pengalaman sama tanpa perlu bersara rendah diri kerana mereka akan mendapat keadilan jika menggunakan saluran betul.

### INFO

### Fakta kes

- Plaintiff dakwa defendant ganggu menerusi panggilan telefon
- Defendant juga didakwa menyentuh pipi dan tangan plaintiff
- Kejadian berlaku antara April hingga Disember 2008
- Ketika kejadian plaintiff adalah pembantu peribadi kepada defendant
- Insiden berlaku di premis perniagaan syarikat terbabit di Cyberjaya



# NUBE Menyarankan Penyusuan di tempat Kerja -Brest feeding

Sempena **Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia** pada 1-7 Ogos, NUBE menyarankan supaya bank menyediakan kemudahan kepada ibu-ibu menyusu di tempat kerja. 1hb hingga 7hb Ogos adalah "Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia" yang disambut lebih 170 buah negara di dunia bagi menggalakkan amalan penyusuan susu ibu dan meningkatkan kesihatan bayi.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), penyusuan susu ibu adalah cara yang terbaik bagi menyediakan seorang bayi yang baru lahir dengan nutrien yang diperlukan. Adalah disyorkan agar penyusuan badan diberikan sehingga bayi berumur 6 bulan dan diteruskan sehingga umur mencecah 2 tahun beserta makanan pelengkap tambahan.

Penyusuan badan di tempat kerja bukan sahaja baik untuk seorang ibu dan bayinya tetapi baik juga untuk majikan.

Menurut Pengarah Jabatan Perlindungan Buruh, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Manuela Tomei, "Majikan yang memberikan masa untuk seorang ibu (pekerja) melakukan penyusuan badan dan memastikan tempat penyusuan dalam keadaan bersih akan memberi manfaat dari segi peningkatan produktiviti disebabkan kekerapan seorang ibu untuk berada di sisi bayinya yang sekaligus mampu meningkatkan kesihatan bayi, meningkatkan kadar untuk bekerja dan menambah baik moral pekerja".

NUBE telah pun mencadangkan kemudahan tempat penyusuan ini dalam cadangan perjanjian kolektif yang baru tetapi pihak bank telah menolaknya. NUBE akan meneruskan tuntutan ini sehingga bank tunduk kepada sokongan penuh anda demi faedah ahli-ahli dan bayi mereka dalam menjalani gaya hidup yang sihat seterusnya menjadi lebih produktif di tempat kerja.



ILO telah menyarankan agar 1 jam sehari dipерuntukkan untuk penyusuan badan yang dipecahkan kepada dua waktu penyusuan sebagai tambahan kepada waktu rehat sedia ada. Setiap waktu penyusuan diberikan masa sehingga 30 minit.

"Seorang wanita hendaklah diberikan hak sama ada satu atau lebih waktu penyusuan atau mengurangkan jam bekerja hariannya demi memberikan susu badan kepada bayinya." (Konvensyen ILO, 2000 (No. 183) Artikel 10 (1)).

dilaporkan: J.Solomon, 5 Ogos 2012

## Dialog antara MTUC P.PINANG dengan Timbalan Ketua Menteri II

MTUC bahagian Pulau Pinang telah mengadakan pertemuan dengan Timbalan Ketua Menteri II, YAB Ramasamy pada 6hb September 2012 di bangunan Komtar P.Pinang bagi memperincangkan permasalahan-permasalahan kesatuan. Antara wakil-wakil MTUC yang hadir ialah Mantan Presiden MTUC Sdra. Syed Shahir, Pengurus MTUC bahagian Pinang Sdra. Ravi, setiausaha Sdra. Virayah serta penolong setiausaha MTUC sdra. Mohamad Fauzi dan beberapa pemimpin kesatuan dari Pinang. Antara topik yang dibincangkan adalah mengenai isu-isu kaum pekerja di P.Pinang, pelaksanaan gaji minima dan sikap beberapa pemain industri elektronik yang tidak mesra dengan kesatuan atau sengaja melewatkhan proses pengitrafan kesatuan dan seterusnya.





# International news



## Improving Working Conditions in Philippines EPZs

On 17th August, IndustriALL and ITUC affiliates met with sports-wear brands and suppliers in Cebu, the Philippines, to discuss the barriers to workers' rights in the Mactan Processing Zone, and to explore possibilities for working together to improve working conditions in the Zone.

Following the publication of a [report on working conditions in the Zone](#), the meeting brought together adidas, Brooks Running and New Balance, together with their key suppliers the Sintex corporation, the Department of Labor and Employment, unions and labour rights NGOs.

The stakeholders agreed a Memorandum of Cooperation on the promotion of freedom of association and full implementation of labour laws and standards in the apparel industry. In the agreement, the parties commit to working together on a number of issues including precarious work, the lack of authentic worker representation, the low awareness of workers' rights, wages and inadequate grievance mechanisms. Source: *ITUC Press Online* 21 August 2012:



## Stop precarious work on 7 October

On 7 October, the World Day for Decent Work, join the IndustriALL Global Union campaign to STOP precarious work.

Secure jobs are becoming more and more rare, while agency work, contract work and temporary work are taking over. For young people, there is practically no other option – the only jobs on offer are insecure.

Unions are pushing against this tide by organizing precarious workers, fighting laws that expand precarious work and mobilizing in support of secure employment with good pay and working conditions. Industri ALL Global Union invites you to join the action on or around 7 October. Start taking action now and:

[Join the Cause](#) on FaceBook and sign up 5 friends

[Pledge](#) an action that you will take or support on 7 October

Send us your story of agency work; Watch the latest video on precarious work

There are no limits on the forms of action that you and your union can take this 7 October to support the global fight against precarious work. Actions could include street protests, seminars, membership meetings, press conferences, public meetings, rallies, workplace actions, letter writing campaigns and delegations to governments.

IndustriALL has produced print-ready artwork of posters and leaflets in several languages available for download on its website here: [www.industrial-union.org/issues/social-justice-and-globalization/stop-precarious-work](http://www.industrial-union.org/issues/social-justice-and-globalization/stop-precarious-work)

Source: *global union*, 05.09.2012